

AKHBAR : SELANGOR KINI

TARIKH : 24 MAC 2024

SENTIMEN : POSITIF

MUKA SURAT : ONLINE

HARI : AHAD

selangorkini

AGENDA TERKINI SELANGOR RENCANA LENSA AKHBAR DIGITAL



Sebahagian anak yatim menunjukkan sumbangan Aidilfitri Yayasan Islam Darul Ehsan (Yide) yang disampaikan Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah di Masjid Masjid Taman Putra Perdana, Sepang pada 24 Mac 2024. Foto HAFIZ OTHMAN/SELANGORKINI

AGENSI | BERITA UTAMA | SELANGOR

427 anak yatim daerah Sepang terima sumbangan Aidilfitri Yide

SEPANG, 24 MAC: Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor berkenan berangkat menyantuni anak yatim daerah Sepang di Masjid Taman Putra Perdana, di sini, hari ini.

Pada majlis itu, Tengku Amir Shah menyerahkan sumbangan Aidilfitri daripada Yayasan Islam Darul Ehsan (Yide) berjumlah RM64,050 kepada 427 anak yatim.

Baginda turut berkenan menyampaikan watikah lantikan kepada tujuh Ketua Sahabat Prihatin Yide (K-SPY) bagi daerah Sepang dan Hulu Langat yang berperanan mengenal pasti anak yatim baharu untuk disantuni.



Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah berkenan menyampaikan duit raya kepada anak-anak yatim pada majlis penyerahan sumbangan Aidilfitri kepada anak yatim di Masjid Masjid Taman Putra Perdana, Sepang pada 24 Mac 2024. Foto HAFIZ OTHMAN/SELANGORKINI

Pada majlis sama Baginda turut menyaksikan sesi penyerahan cek cura bernilai RM49,450 dari Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) kepada Yide khusus untuk dana kebajikan anak yatim.

Tengku Amir selepas itu mendengar tazkirah Ramadan disampaikan penceramah Pencetus Ummah (PU) Hafiz atau Muhammad Hafiz Mohd Haneefa sebelum menunaikan solat Zuhur berjemaah.

Turut hadir Pengurus Yide Tan Sri Mazlan Mansor dan Pengurus Majlis Agama Islam Selangor (Mais) Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof.



Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah berkenan menyaksikan Pengurus YIDE Tan Sri Mazlan Mansor menerima cek cura dari wakil PTPTN khusus bagi dana kebajikan anak yatim pada majlis penyerahan sumbangan Aidilfitri kepada anak yatim di Masjid Masjid Taman Putra Perdana, Sepang pada 24 Mac 2024. Foto HAFIZ OTHMAN/SELANGORKINI

<https://selangorkini.my/2024/03/427-anak-yatim-daerah-sepang-terima-sumbangan-aidilfitri-yide/>